

Kelestarian Politik Melayu Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Rantau Abang, Dungun, Terengganu

*Sustainability Of Malay Politics In The Area of State Assembly of Rantau Abang, Dungun,
Terengganu*

Najiatul Umairah Azhar
¹Junaidi Awang Besar

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Correspondence: ¹jab@ukm.edu.my

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berpalimen di bawah pertadbiran Raja Berperlembagaan. Politik merupakan elemen yang penting dalam sesebuah negara. Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum, tetapi kepimpinan diterajui oleh orang Melayu. Oleh itu, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk menganalisis kelestarian politik Melayu di kawasan DUN Rantau Abang, Dungun, Terengganu. Kaedah kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik melibatkan 100 responden di DUN Rantau Abang manakala kaedah kualitatif pula melibatkan temu bual terhadap tiga orang informan termasuk daripada pemimpin setempat dan ahli politik. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan program statistik SPSS. Hasil kajian mendapati responden memberi pandangan yang baik terhadap kelestarian politik Melayu di kawasan kajian melalui pengetahuan, persepsi dan pemahaman serta kebaikan politik Melayu terhadap kesejahteraan rakyat dan negara. Kajian ini telah menghasilkan kesedaran bahawa politik Melayu yang ada harus dipertahankan agar keharmonian negara dapat dikecapi oleh semua pihak termasuk kaum bukan Melayu. Pengukuhan politik Melayu penting kerana orang Melayu mampu bertoleransi dengan kaum lain, kerana bagi mereka pengukuhan dan semangat bersatu padu dalam landskap politik Melayu akan melimpahkan nikmat kepada keseluruhan kaum lain tanpa mengira bangsa atau agama.

Kata kunci: demokratik, politik Melayu, keamanan negara, pengundi, kelestarian

ABSTRACT

Malaysia is a country that has practiced a democratic system under the rule of the Constitution. Politics is an important element of any country. Malaysia is a country of many races, but the leadership headed by Malays. Therefore, it is the purpose of this study to assess the political sustainability Malay in the study area of Rantau Abang. The quantitative method using the questionnaire instrument involved 100 respondents in the Rantau Abang while the qualitative method involved interviews with 3 informants including local leaders and politicians. The obtained data were analyzed using the SPSS statistic program. The study found that respondents gave a good view to the preservation of Malay politics in the study area through knowledge, perception and understanding and kindness Malay political towards the welfare of the people and state. This research has resulted in the realization that the existing political

Malays should be retained in order to harmony in the country can be enjoyed by everyone, including the non-Malays. The strengthening of Malay politics is important because the Malays are able to tolerate the other races, because for them the strengthening and unity in the political landscape will be favored to Malay whole other communities regardless of race or religion.

Keywords: *democratic, Malay politics, national security, voters, sustainability*

1. Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berpalimen di bawah pentadbiran Raja Berpelembagaan. Malaysia diketuai oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dan merupakan Ketua Negara dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera. Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia telah mengamalkan sistem pilihan raya berbagai parti di mana parti politik berdaftar boleh menubuhkan kerajaan sekiranya memperoleh majoriti kerusi di Parlimen atau di Dewan Undangan Negeri. Namun sistem pengundian yang dipraktikkan adalah berasaskan konsep “satu undi satu pengundi” yang bermakna seseorang calon akan dianggap memenangi pilihan raya bagi sesuatu bahagian atau kerusi majoriti undi yang mudah. Pilihan raya merupakan institusi yang penting terhadap pemerintahan negara demokrasi yang memberi pengiktirafan untuk memerintah sebuah negara. Pilihan raya juga merupakan satu konsep hak kebebasan bersuara dan ia merupakan suatu kaedah utama dalam penglibatan masyarakat dalam politik di Malaysia. Pilihan Raya Umum (PRU) biasanya diadakan setiap empat atau lima tahun sekali apabila Perdana Menteri membubarkan parlimen dengan mendapat persetujuan daripada Yang Di Pertuan Agong dan PRU mesti diadakan dalam jangka masa tiga bulan selepas parlimen dibubarkan.

Sepanjang PRU, dominasi politik oleh Barisan Nasional telah memperoleh majoriti dua per tiga dalam pilihan raya kecuali PRU-12 dan PRU-13. Namun, tamparan hebat dari pihak pembangkang buat kali pertama dalam sejarah PRU terhadap Barisan Nasional (BN) yang tewas dalam PRU-14 dan telah dimenangi oleh Pakatan Harapan (PH) yang menggunakan logo Parti Keadilan Rakyat (PKR), yang merangkumi PKR, *Democratic Action Party* (DAP), Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM/BERSATU) dan Parti Amanah Negara (AMANAH). Senario politik di Negeri Terengganu dianggap unik kerana pilihan raya yang diadakan secara konsisten iaitu 14 kali sejak negara kita merdeka akan dimenangi oleh parti dibawah kepimpinan orang Melayu iaitu pertukaran kuasa pemerintahannya antara PAS dan BN/UMNO sahaja. Walaupun PKR turut terlibat dalam persaingan parti politik di Terengganu bermula dari PRU tahun 1999 sehingga PRU-14 namun ianya tidak memberi kesan yang besar terhadap sokongan orang Melayu kepada BN/UMNO dan PAS.

Banyak persamaan budaya politik yang dilihat antara masyarakat Melayu di Negeri Terengganu dan Negeri Kelantan (Zulkifli, 1994). Kedua-dua negeri tersebut mempunyai keunikan tersendiri. Kelantan dan Terengganu merupakan negeri yang kerap mengalami perubahan politik berbanding dengan negeri Melayu yang lain. Hal ini kerana, kedua-dua negeri tersebut hanya mendengar penasihat British berbanding dengan negeri lain yang dijajah penuh oleh British dan yang menarik ialah persaingan yang berlaku di Negeri Terengganu hanya melibatkan orang Melayu menentang Melayu. Mengikut fakta sejarah, PAS dan BN pernah bergabung setelah tragedi 13 Mei 1969, namun begitu penglibatan PAS dalam BN berakhir dengan krisis darurat di negeri Kelantan dan akhirnya PAS mengambil keputusan untuk keluar

dari BN. Para penyokong PAS menganggap BN telah mengkhianati mereka, manakala penyokong BN pula berpendapat PAS tidak patuh pada ketetapan BN. Peristiwa tersebut telah menyebabkan berlakunya perpecahan politik Melayu kepada 8 parti politik Melayu iaitu UMNO, PAS, BERJASA, IKATAN, PKR, AMANAH, BERSATU dan PUTRA. Justeru adalah menjadi tujuan penyelidikan ini untuk mengkaji kelestarian politik Melayu dengan menjadikan kawasan DUN Rantau Abang, Dungun, Terengganu sebagai kawasan kajian kes.

2. Tinjauan Literatur

Ulasan literatur atau kajian lepas mempunyai kaitan dengan permasalahan kajian iaitu segala yang dikaji yang boleh diperoleh dalam jurnal, buku dan laporan penyelidikan. Kajian lepas dijalankan bagi memahami struktur latar belakang subjek penyelidikan pengkaji dengan lebih mendalam dan membantu penyelidik dalam menyediakan borang soal selidik. Umumnya, terdapat banyak kajian yang dilakukan oleh penyelidik luar negara dan dalam negara berkenaan dengan bidang politik dan pilihan raya. Perbincangan tentang kajian lepas adalah berpandukan kepada pendekatan teori yang diguna bagi kajian yang dijalankan. Kajian yang dijalankan ini memberi kesan positif dan kepentingan kepada pelbagai pihak dan peringkat. Berdasarkan kepada rujukan yang telah dilakukan, didapati bahawa banyak rujukan berkaitan dengan geografi pilihan raya yang berfokus kepada luar negara dan dalam negara. Sehingga kini telah banyak kajian serta penulisan dalam bentuk ilmiah telah dibuat mengenai parti politik Melayu. Namun begitu kebanyakan kajian yang dibuat berbentuk sejarah penubuhan parti, perkembangan parti dan tidak banyak menganalisis kepentingan dan masa depan politik Melayu dalam persada politik negeri Terengganu dan Malaysia.

Kajian mengenai politik dan pilihan raya di luar negara, menurut Johnson (1980) sekiranya sebelum pilihan raya projek pembangunan bandar dijalankan ia akan menjejaskan kesejahteraan dan keselamatan penduduk di kawasan bandar tersebut, hal ini akan menyebabkan pengundi di kawasan bandar akan bertindak untuk mengundi parti dari pihak lawan. Perkara sedemikian, akan menyebabkan perubahan dasar kerajaan terhadap pembangunan bandar selepas pilihan raya tersebut dijalankan. Parti politik yang dijalankan di bandar lebih aktif untuk mempengaruhi di peringkat nasional kerana parti politik di bandar mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan stabil dan ini akan mempengaruhi kriteria pemimpin yang mempunyai pandangan yang jauh untuk memperoleh sokongan undi yang banyak (Bledsoe dan Welch 1987). Selain itu, menurut Michel (1998) menyatakan bahawa dalam mempengaruhi sokongan pengundi setiap pilihan raya di majlis perbandaran di sesebuah kawasan perancangan bandar yang baik dan keutamaan penduduk haruslah diutamakan. Zarycki (2000) menyatakan pengundi yang tinggal di kawasan bandar Poland lebih bersifat liberal dalam menerima proses perbandaran kajian yang dilakukan di Negara Poland dan Republik Czech, manakala di Republik Czech pengundi lebih bersifat tidak boleh menerima sebarang pembaharuan dalam kawasan tempat bandar mereka kerana mereka merasakan tidak selesa. Namun begitu berbeza pula menurut Wood (2002) dalam memilih ahli politik pilihan raya perbandaran lebih banyak pembuangan kadar undinya berbanding dengan pemilihan ahli pentadbiran kerana mereka menganggap bahawa ahli politik lebih senang mempengaruhi dalam menentukan dasar pembangunan di kawasan mereka.

Bagi kajian politik pilihan raya di Malaysia iaitu selain Terengganu, menurut Ismail (1979) menjelaskan bahawa politik dan pilihan raya di Malaysia berpaksikan kepada etnik.

Perkara ini telah membuktikan Pilihan Raya Umum 1978 menunjukkan bahawa 114 parlimen yang dipertandingkan di Semenanjung Malaysia, akan tetapi Barisan Nasional menang majoriti bilangan kerusi mungkin disebabkan oleh faktor pengundi yang majoritinya ialah orang Melayu, manakala di kawasan yang mempunyai ramai orang Cina bilangan kerusi majoriti dimenangi oleh DAP. Justeru, perkara ini menunjukkan negara Malaysia mengamalkan politik yang berteraskan kepada etnik.

Menurut Khong (1991) yang mengkaji mengenai analisis bahasa, kaum dan isu dalam Pilihan Raya Umum pada tahun 1990, isu tersebut telah menyebabkan kemenangan kepada parti pembangkang iaitu PAS dalam memenangi beberapa bilangan kerusi DUN dan Parlimen dalam isu agama. Ini kerana Semangat 46 yang ditonjolkan oleh UMNO manakala isu bahasa oleh DAP. Kajian ini juga, menghuraikan prestasi PAS di Kelantan dalam aspek politik pembangunan, politik etnisiti dan keagamaan.

Berikutnya, Junaidi et al. (2010) dalam kajian berkenaan PRK di Parlimen Bukit Gantang pada tahun 2009 telah menjelaskan sumber utama maklumat politik ialah televisyen ini menunjukkan keseluruhan pengundi Melayu, Cina dan India di Parlimen ini menjadikan televisyen sumber utama. Keperibadian calon yang mesra rakyat menyebabkan pengundi yang berlatarbelakangkan kaum Melayu, India dan Cina memilih calon tersebut dan kebanyakan pola pemikiran politik antara kaum jelas menunjukkan terdapat jurang berbezaan terhadap parti politik yang bertanding atau kerajaan. Tindakan yang dilakukan oleh wakil rakyat dipilih melompat parti telah menyebabkan pengundi dalam PRK membenci wakil rakyat tersebut.

Junaidi et al. (2010) dalam kajian pilihan raya kecil di Parlimen Hulu Selangor membuktikan bahawa mereka lebih cenderung untuk memilih calon yang bersikap mesra rakyat ini telah dibuktikan oleh 81.7 peratus responden membuat penilaian dari aspek tersebut dan mereka juga akan memilih parti yang memperjuangkan isu pembangunan di samping membasmi kemiskinan rakyat dengan memperoleh majoriti 75.3 peratus dalam kriteria pemilihan mereka. Selain itu, mereka juga akan turut menyokong dasar kerajaan dalam memantapkan proses pembangunan negara yang akan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan. Dalam penulisan beliau juga ada menjelaskan majoriti responden berpendapat bahawa kepimpinan yang ditonjolkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah pada tahap memuaskan.

Junaidi et al. (2011) mendapati trend atau pola pengundian yang berlaku sehingga tahun 2011 dalam setiap kali Pilihan Raya Kecil dilakukan menunjukkan bahawa sokongan undian kaum Cina lebih memihak kepada Pakatan Rakyat manakala Barisan Nasional bergantung kepada undian kaum Melayu. Kebanyakan pengundian kaum Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar hanya menerima maklumat berkaitan politik dari media arus seperti akhbar dan media elektronik televisyen kerana mereka masih hidup dalam kemiskinan disebabkan kekurangan fasiliti yang dipengaruhi oleh politik pembangunan di sesuatu kawasan. Kenyataan bahawa orang Melayu merupakan penduduk asal di negara ini dan mereka yang paling relevan untuk mentadbir negara dan perkara ini juga merupakan salah satu faktor UMNO/BN majoriti mendapat sokongan daripada kaum tersebut.

Zahalan (2014) dalam buku *Daulat UMNO: Edisi Khas* menjelaskan bahawa UMNO merupakan tunggak kekuatan negara dimana UMNO telah berjaya menyatupadukan pelbagai bangsa serta etnik dan menjamin kesinambungan hidup di negara ini. Selain itu, UMNO juga menjadi kemegahan bangsa kerana telah berjuang selama ini dan telah mengangkat daulat bangsa Melayu atau Bumiputera.

Faisal Syam (2018) dalam makalah yang bertajuk *GE14: The Political Earthquake That Ended BN's 60 Year Rule* menjelaskan PH dan WARISAN berjaya memperoleh 124 kerusi

Parlimen (48.6 peratus), BN menang di 79 kerusi Parlimen (33.8 peratus) dan PAS menang di 18 kerusi (16.9 peratus). Beliau menyimpulkan bahawa pertandingan tiga penjurong tidak menguntungkan BN kerana berlakunya penolakan kuat terhadap politik berasaskan kaum, agama dan lokaliti; PH tidak menjangkakan akan mendapat keputusan yang baik di Sabah dan Sarawak terutamanya di kawasan majoriti Bumiputera; dan ketiga ialah majoriti penganalisis politik tidak menjangkakan bahawa akan berlaku perubahan kuasa politik rakyat di negara ini daripada BN kepada PH.

Junaidi et al. (2018a) dalam bab dalam buku yang bertajuk *Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan: Senario, Pola dan Impak* mendapati bahawa pola pengundian mengikut Daerah Mengundi, BN terus menang di kawasan pedalaman iaitu di Pengkalan Kubor, Kampung Ketil, Simpangan, Tujoh, Telaga Bata, Bunohan, Jubakar Darat, Bendang Pak Yong dan Telok Jering manakala PAS menang di kawasan pekan dan pinggir pekan iaitu Kampung Tebing, Kampung Geting dan Kedai Geting. Antara faktor yang dikaitkan dengan kemenangan BN dalam PRK tersebut ialah keberkesanan jentera pilihan raya BN, keputusan PRK tidak memberi impak kepada kedudukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, calon BN yang baik, dasar kerajaan yang ditunjangi UMNO dan BN diterima rakyat, penjelasan isu royalti minyak dan isu lain yang berjaya ditangani dengan baik, masalah dalam Pakatan Rakyat dan penurunan peratusan keluar mengundi. PRK ini dilihat memberi implikasi kepada pembangunan sosioekonomi dan politik iaitu dapat menjana pembangunan infrastruktur, arah sokongan pengundi, segi pengaruh PAS di Negeri Kelantan, pengaruh terhadap BN. Justeru, keputusan PRK DUN Pengkalan Kubor ini perlu diambil perhatian oleh kedua-dua blok parti iaitu BN dan PR agar masing-masing memperkemas jentera dan perkhidmatan kepada rakyat, mengurangkan aktiviti politik seterusnya bekerja semaksimum mungkin untuk kemajuan rakyat dan kawasan masing-masing menuju PRU akan datang.

Junaidi (2018b) dalam kajian geografi pilihan raya dengan mengambil Negeri Perlis Indera Kayangan sebagai kajian kes mendapati dari segi analisis geografi politik dan pilihan raya iaitu saiz Negeri Perlis, saiz kawasan DUN dan Parlimen yang kecil dengan jumlah pemilih yang tidak ramai menjadikan logistik serta gerak kerja parti politik untuk meraih sokongan adalah lebih mudah. Justeru, dapatan kajian menunjukkan negeri Perlis ini mempunyai keunikan dalam politik yang tersendiri untuk dikaji dan difikirkan. Hasil penemuan ini penting bagi menggalakkan banyak kajian politik di Negeri Perlis untuk dilakukan oleh penganalisis politik pada masa hadapan.

Ruhan Shahrir (2018) dalam Siri Seminar IKMAS 6/2018 yang bertajuk *Pakatan Harapan Tewas Undi Melayu: Implikasinya Pada Masa Hadapan* menjelaskan bahawa sebahagian besar undi Melayu-Islam berada di sebelah pihak pembangkang iaitu UMNO dan PAS manakala majoriti daripada ahli Parlimen PH (Kerajaan) adalah terdiri daripada bukan Melayu dan bukan Islam. Beliau menjelaskan bahawa permainan sentimen kaum dan agama akan terus relevan di Malaysia namun beliau mengharapkan bahawa berlakunya proses demokratisasi agar dapat membangunkan naratif Malaysia baharu yang lebih 'keMalaysiaan', inklusif, adil dan saksama.

Muhamad Nadzri & Jamaie (2018) dalam artikel yang bertajuk *Politik, Pengundi dan Faktor Melayu/Bumiputera: Analisis Terhadap Kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018* menjelaskan bahawa penembusan terhadap kawasan Melayu/Bumiputera di kawasan separuh bandar dan luar bandar adalah kunci kepada strategi PH ke Putrajaya. Tanpa Mahathir, parti BERSATU dan WARISAN, laluan PH ke persekutuan akan menjadi lebih sukar dan PH mungkin tidak akan berjaya untuk memenangi PRU-14. Kemampuan BERSATU dan

WARISAN merampas 21 kerusi daripada BN di kawasan itu telah mengukuhkan hujah ini. Kehadiran mereka dalam PH memberikan majoriti yang cukup diperlukan oleh pakatan pembangkang sejak PRU-12. Tetapi untuk meletakkan mereka sebagai satu-satunya faktor kemenangan, adalah sesuatu yang tidak tepat dan overrated.

Faktor Mahathir, BERSATU dan WARISAN hanyalah antara faktor disamping faktor utama yang lain seperti perpecahan elit, kebangkitan media sosial dan kemunculan masyarakat digital. Model BN yang elitis di bawah pentadbiran Najib pada penggal kedua (2013-2018) jelas sekali tidak bersesuaian dengan pluralisme Malaysia dari khasnya sudut kaum dan kelas. Mana-mana parti yang ingin berkuasa pada peringkat persekutuan perlulah melebar keperwakilan mereka, dengan merefleksi pluralisme Malaysia. Dengan terlalu berfokuskan terhadap politik Melayu (disamping kurang sensitif terhadap kepentingan golongan bukan Melayu) dan projek pembangunan yang lebih menguntungkan kelas atasan serta mengorbankan golongan bawahan dengan penganan cukai baharu dan penarikan subsidi, pentadbiran Najib dengan sendiri telah merekayasa kejatuhan mereka. Apatah lagi apabila mereka kini berhadapan dengan pihak pembangkang yang kuat dan representatif. Model PH yang lebih pluralis melibatkan gabungan politik yang melebar, mewakili majoriti pelbagai latar belakang dan pluralisme masyarakat Malaysia baik dari sudut kaum, ideologi, kelas dan wilayah. Kesederhanaan dan sifat pragmatik dalam pendekatan mereka terhadap pluralisme Malaysia telah membantu parti itu untuk mendapat tempat di Putrajaya. Untuk itu, keseimbangan dalam mendepani dan merespons terhadap pluralisme Malaysia yang pelbagai latar belakang tetapi bermajoritikan Melayu/Bumiputera, adalah kunci penting untuk mana-mana parti di Malaysia untuk mencapai atau mengekalkan kuasa di persekutuan.

Junaidi (2019) menyatakan bahawa geopolitik kaum pada PRU 2018 menunjukkan sokongan terhadap BN/UMNO bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu manakala kekuatan undi Pakatan Harapan bergantung kepada undi kaum Cina. Pengundi Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar yang hanya menerima maklumat daripada media arus perdana; yang juga dibelenggu kemiskinan yang masih serba kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur yang amat dipengaruhi oleh sentimen 'Politik Pembangunan'. Hal ini berbeza dengan kaum Cina yang kebanyakannya tinggal di kawasan pekan atau bandar yang sudah mempunyai kemudahan asas yang mencukupi serta mempunyai struktur ekonomi yang kukuh dan boleh 'survive' mengikut cara mereka yang tersendiri; ditambah pula mempunyai akses maklumat melalui media alternatif seperti kemudahan jalur lebar/internet dan SMS yang pantas dan pelbagai secara dominannya menyokong Pakatan Harapan.

Bagi kajian politik pilihan raya di Terengganu, Yahaya (1990) dalam bukunya 'Skandal Politik Wan Mokhtar Di Terengganu' membongkarkan penyelewengan yang dilakukan oleh Wan Mokhtar iaitu Menteri Besar Terengganu yang tidak disenangi oleh rakyat negeri itu. Sisi gelap politik figura ini dirungkaikan meskipun beliau merupakan ulama pertama yang menjadi Menteri Besar di Malaysia. Wan Mokhtar adalah pemimpin yang taksud pada Mahathir ketika itu, beliau akan mencantas musuh Mahathir dan gemar mengampu Mahathir ini dibuktikan apabila sering memuji Mahathir dalam doanya apabila membaca doa rasmi untuk perhimpunan agung UMNO. Malahan Wan Mokhtar meletakkan dirinya sebagai ahli politik lebih daripada seorang ulama. Ini ditunjukkan apabila Wan Mokhtar tidak senang ulama lain menandinginya di Terengganu dan kebimbangan terbesar Wan Mokhtar yang terbesar ialah pengaruh Semangat 46 dan PAS yang berleluasa dalam kalangan rakyat Terengganu. Antara ketidakadilan dan penyelewengan yang dibuat oleh figura ini ialah menganiayai rakyat, skandal perjudian, ampuisme dan penarikan balik peruntukan wakil rakyat.

Mohd Firdaus (1992) dalam bukunya 'Terengganu: Rahsia Yang Terbongkar' membincangkan mengenai zaman keruntuhan UMNO baru Terengganu akibat krisis UMNO 1987 dan faktor PAS yang memainkan peranan yang agresif dalam politik Terengganu. Ditambah dengan kemunculan teori domino dari Kelantan yang berjaya menukar arus sokongan politik rakyat Terengganu dari UMNO kepada PAS akibat kegagalan UMNO baru dalam memerintah Kelantan. Malah, krisis UMNO baru dengan pihak istana mengeruhkan keadaan dan timbul juga bukti bahawa kerajaan UMNO baru gagal dalam penggunaan wang rakyat secara tepat. Pengunduran Wan Mokhtar sebagai Menteri Besar Terengganu akibat kegagalan beliau dalam menguruskan pengaruh Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pada PRU 1990 yang menyebabkan APU menang 10 kerusi DUN turut menambah kepada faktor kemerosotan UMNO baru.

Zulkifli (1994) dalam bukunya 'Operasi Tawan Terengganu' menjelaskan berkaitan usaha PAS untuk menumbangkan UMNO di Terengganu adalah bukan perkara yang mudah. Ini kerana dalam menentang UMNO, PAS perlu mengerahkan segala kekuatan yang ada dan menghimpunnya dalam sebuah kesatuan yang kukuh. Beliau juga menerangkan betapa pentingnya PAS dalam meningkatkan usaha dan keupayaan dalam menarik simpati golongan pengundi atas pagar. Namun begitu, terdapat beberapa faktor yang menguntungkan PAS seperti persempadanan semula kawasan pilihan raya (1992) dan faktor Tuan Guru Nik Abdul Aziz yang mampu menggugat Wan Mokhtar. Konklusinya, politik di negara kini mula menampakkan perubahan dan rakyat dilihat semakin terbuka untuk menerima perubahan demi kebaikan negara dan kesejahteraan rakyat sendiri.

Junaidi (2003) dalam kajiannya 'Politik Baru: Satu Analisis Pilihan Raya Umum 1995 dan 1999 di Parlimen Kuala Terengganu, Terengganu' telah mengkaji faktor penyebab kemunculan 'politik baru' dalam PRU 1995 dan 1999. Hasil kajian menunjukkan pengundi pada PRU 1995 memilih UMNO kerana kestabilan sosial dan politik serta program pembangunan yang baik. Berbeza pula pada PRU 1999 yang menunjukkan kemunculan aliran fahaman 'politik baru' yang mengubah senario politik pengundi di Kuala Terengganu. Pengundi di kawasan kajian mengundi PAS dan PKR/KeADILan disebabkan oleh pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan isu Menteri Besar Terengganu yang sudah lama memerintah.

Junaidi dan Mazlan (2016) dalam kajian politik Terengganu dalam PRU 2013 mendapati keputusan PRU 2013 di Negeri Terengganu amat mengejutkan ramai pihak terutamanya pengkaji politik dan pemimpin politik pada peringkat nasional. Ini kerana fenomena kebalikan sokongan pengundi Melayu kepada BN/UMNO seluruh negara tidak terkesan di Terengganu sebaliknya hampir meruntuhkan BN di negeri Pantai Timur ini. Keputusan tipis kerusi DUN 17-15 BN berbanding PAS dan PKR dikatakan berpunca daripada kesilapan letakan dan percaturan calon BN yang tidak disukai pengundi muda dan atas pagar disamping pengaruh pendakwah terkenal iaitu Ustaz Azhar Idrus yang bersama dengan PAS telah menarik undi golongan muda dan atas pagar untuk menyokong PAS terutamanya di kawasan bandar dan separa bandar. Program PAS Ganti UMNO (PGU) anjuran Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu sejak tahun 2008 hingga 2013 di kesemua lapan Parlimen di negeri ini telah menunjukkan kesan positif kepada PAS yang hampir menawan Negeri Terengganu. Hampir kesemua kawasan DUN menyaksikan penurunan majoriti BN dan beberapa orang calon BN yang juga merupakan EXCO Kerajaan Negeri Terengganu telah tewas mengejut kepada calon baru daripada PAS. Keadaan dirumitkan lagi dengan kematian ADUN Kuala Besut yang juga EXCO Kerajaan Terengganu yang menyaksikan akan berlakunya Pilihan Raya Kecil (PRK) yang pertama di negara ini

seterusnya menjadikan penguasaan kerusi DUN Terengganu 16-BN dan 15-PR. Dari segi pola pengundian, PAS dan PKR menang di kawasan bandar yang mempunyai pengundi yang bermaklumat dan mengalami penembusan internet dan media sosial yang baik, berbanding dengan BN yang menang kebanyakannya di kawasan luar bandar yang mempunyai kehidupan serba miskin dan memerlukan bantuan pihak berkuasa serta hanya bergantung kepada sumber maklumat politik daripada media arus perdana. Penguasaan tipis BN di Terengganu juga menyaksikan Terengganu hampir terjebak dalam krisis politik berikutan perlantikan Ahmad Razif Abdul Rahman (ADUN Seberang Takir) sebagai Menteri Besar baru bagi menggantikan Ahmad Said pada Mei 2014. Ahmad Said dan beberapa lagi ADUN mengisytiharkan keluar UMNO sebelum menarik semula keputusannya itu.

Mazlan (2018) dalam Forum Pasca PRU14: Gelombang Rakyat dengan tajuk pembentangan beliau iaitu "*Tsunami hijau Pantai Timur PRU-14: Gelombang PAS atau gelombang rakyat?*" menimbulkan persoalan iaitu 'Adakah tsunami hijau yang berlaku di negeri pantai timur termasuk di Negeri Terengganu dalam PRU-14 lalu disebabkan gelombang sokongan terhadap keabsahan perjuangan PAS atau wujudnya gelombang massa rakyat menyokong asalkan bukan UMNO-BN. Kemudian beliau menjelaskan faktor kemenangan PAS di Pantai Timur adalah berdasarkan beberapa perkara berikut iaitu 1) Ciri-ciri politik Terengganu (lokaliti/tempatan, kenal UMNO PAS, Orthodox Islamist Vs Bureaucratic Islamist/Conservative Islamis, 2) Doktrin agama (agama dan ideologi, hudud, RUU335, undi PH = undi DAP), 3) Isu nasional kelemahan polisi Najib Razak (1MDB, GST, kenaikan kos sara hidup dan rasuah), 4) Peranan Tun Dr. Mahathir Mohamad (rekod hitam Tun, sikap Tun terhadap Islam, bongkar Najib, kuda DAP), 5) Kebangkitan orang muda (celik politik/kerangka orthodox, tarikh mengundi rabu 9 hb = menapis pengundi dan sentimen anti Najib/UMNO), 6) Kekuatan jentera (PAS monopoli, kempen/jentera agresif, PAS juarai perang poster), dan 7) Dilema/krisis UMNO (sabotaj calon, wujud BERSATU/peranan Tun, politik wang/rasuah).

3. Metodologi

3.1 Kawasan kajian

Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau Abang, Dungun, Terengganu dipilih sebagai kawasan kajian kerana kawasan ini berkomposisikan etnik majoriti Melayu iaitu 98.75 peratus (SPR 2018) di samping kawasan ini merangkumi kawasan perkampungan tradisi Melayu (Kuala Abang, Tok Kah dan Pulau Serai), kawasan pinggir bandar (Seberang Pintasan, Pak Sabah dan Gong Pasir) dan kawasan bandar (Balai Besar dan Taman Permint Indah) yang mempunyai keberagaman tingkah laku politik pengundi yang pelbagai. Kawasan DUN Rantau Abang juga mempunyai jaringan perhubungan yang baik di samping sedang pesat membangun di kawasan luar bandarnya. Rantau Abang merupakan sebuah destinasi terkenal untuk pelancongan di Terengganu kerana di kawasan tersebut terdapat tempat pendaratan penyu untuk bertelur. Pantai ini merupakan salah satu destinasi untuk penyu belimbing bertelur selain daripada tiga pesisiran pantai Amerika Selatan. Rantau Abang terletak di 22 km utara dari Kuala Dungun dan 80 km dari Kuala Terengganu, Rantau Abang menjadi topik perbincangan dalam aspek pelancongan.

Kebiasaannya penyu belimbing akan bertelur antara bulan Mei sehingga bulan Ogos. Hal ini kerana pantai tersebut mempunyai ketinggian yang cukup curam dan mendalam untuk penyu


mendarat di pantai tersebut. Namun begitu, zaman kegemilangan Rantau Abang sudah tamat disebabkan para pelancong suka makan telur penyu yang bertelur di kawasan tersebut.

Sejarah Rantau Abang dikatakan terdapat sepasang penyu jantan dan betina di pesisiran pantai Terengganu. Pada suatu hari mereka berdua bersiar-siar dan sampai ke suatu tempat yang tidak pernah mereka jejak. Lalu penyu betina tersebut bertanya kepada penyu jantan apakah tempat ini, tetapi penyu jantan tersebut juga tidak tahu. Tiba-tiba mereka berdua berjumpa dengan seekor ikan buntal lalu ikan buntal tersebut bertanya kenapa dengan kamu berdua, lantas si penyu itu berkata mereka tersesat. Ikan buntal memberitahu mereka di kawasan ini terdapat sebuah taman yang sangat cantik dan ikan buntal tersebut menyuruh pasangan penyu tersebut untuk pergi ke taman berikut kerana mereka berdua bertuah boleh hidup di darat dan lautan. Lantas penyu jantan dan betina naik ke darat untuk ke taman tersebut, sepanjang perjalanan mereka terjumpa dengan si ketam, dan si ketam bertanya kemana kamu berdua mahu pergi? Lantas si penyu memberitahu mereka ingin ke taman itu, si ketam menyatakan sekiranya ke taman tersebut jangan minum air kolam yang ada kerana sekiranya meminum air tersebut kamu berdua akan terkena sumpahan.

Sepanjang perjalanan penyu betina berhenti kerana takut akan sumpahan tersebut lantas si penyu jantan pergi ke taman tersebut sendirian. Setelah sampai ke taman tersebut penyu jantan teruja akan kecantikan kolam tersebut dan minum air yang berada di dalam kolam, tiba-tiba kepalanya sakit dan petir menyambar lantas badan ia bertukar menjadi batu. Si penyu betina pelik, kenapa suaminya belum pulang lantas ia menuju ke kawasan tersebut dan melihat penyu jantan telah disumpah sejak kejadian itu penyu betina tersebut selalu bertelur di Rantau Abang untuk mengingati suaminya sambil menangis dan tradisi tersebut diamalkan oleh generasi penyu yang lain.

Tempat menarik di Rantau Abang ialah pusat penerangan penyu disitu terdapat bahan pameran mengenai kehidupan penyu serta maklumat taburan pendaratan penyu di Kuala Terengganu. Selain itu, di kawasan tersebut terdapat pantai yang cantik yang mampu menarik pelancong untuk datang ke kawasan tersebut. Dari segi ekonomi, pekerjaan penduduk di kawasan tersebut kebanyakannya adalah kerja kampung seperti nelayan, berniaga kecil-kecilan, memproses keropok dan segelintir ada yang bekerja dalam sektor kerajaan mahupun swasta. Kemudahan yang ada di kawasan ini ialah masjid, dewan, sekolah rendah dan sekolah menengah, chalet, stesen minyak, gerai buah-buahan, kedai makan, tempat mengaji al-quran dan sebagainya.

Pada PRU 2018, calon PAS iaitu Alias Harun (12,287 undi) menang dengan majoriti 4,452 undi menewaskan calon BN (7,835 undi) dan PKR/PH (939 undi). Dalam kawasan DUN Rantau Abang terdapat 12 kawasan mengundi iaitu kawasan pertama ialah Pinang jumlah pengundi seramai 767 orang, manakala kawasan kedua ialah Padang Pulut jumlah pengundi seramai 1,698 orang, Delung ialah seramai 662 orang, Kuala Abang seramai 3,385 orang, Seberang Pintasan seramai 3,014 orang, Pulau Serai seramai 3,709 orang, Tok Kah ialah 850 orang, Kampung Che Lijah 841 orang, Gong Pasir ialah 3,978 orang, Serdang pula ialah 1,001 orang, Balai Besar 3,127 orang dan Taman Permint Indah ialah 1,966 orang. Jumlah keseluruhan pengundi ialah 24,998 orang (Lihat Rajah 1).



RAJAH 1. Peta Kawasan/Bahagian Pilihan Raya DUN (N.26) Rantau Abang, Dungun, Terengganu

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2018

3.2 *Tata cara pengumpulan data*

Kaedah pengumpulan data primer dilakukan melalui kerja lapangan. Kaedah pengumpulan data melibatkan pengumpulan borang soal selidik, temu bual, rujukan data statistik dan pemerhatian di lapangan. Satu set borang kaji selidik yang disediakan bagi mendapatkan maklumat balas tentang kajian yang dikaji. Setiap sampel soal selidik yang dibekalkan mengandungi persoalan seperti sumber maklumat, demografi responden, politik, kepentingan dan masa depan politik Melayu terhadap Negeri Terengganu dan Malaysia. Bagi soalan yang tertutup pula, soalan berkaitan skala dan soalan yang dinyatakan adalah berbentuk fakta. Bagi soalan skala likert, terdapat lima skala yang diwakili, manakala untuk soalan terbuka, ruang jawapan disediakan untuk responden menjawab soalan yang dikemukakan. Satu set borang temu bual yang disediakan bagi mendapatkan maklumat balas tentang kajian yang dikaji. Setiap soalan yang dibekalkan mengandungi persoalan terbuka dan memerlukan pendapat dari responden yang dikaji. Rujukan data statistik digunakan bagi memperoleh jumlah statistik daftar pemilih terkini mengikut kaum di kawasan kajian. Data statistik ini diperolehi melalui Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang terkini. Selain itu, data statistik ini juga digunakan bagi melihat keputusan undi di kawasan DUN. Pemerhatian merupakan satu daripada kaedah mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Dalam kajian ini, metod pemerhatian di lapangan turut digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang dapat menyokong dapatan kajian. Melalui kaedah ini

pengkaji dapat menemu bual beberapa orang responden bagi memenuhi objektif kajian. Kaedah kepustakaan ini merupakan kaedah yang berkaitan dengan pencarian maklumat umum dengan kata kunci bagi sesuatu kajian. Bagi mendapatkan sebanyak mungkin maklumat yang berkaitan kajian ini, pengkaji telah pergi ke beberapa buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Tun Seri Lanang dan bilik sumber Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (PKPSP). Kajian atas talian dilakukan bagi pencarian maklumat mengenai kajian ini melalui laman sesawang. Maklumat-maklumat data sekunder ini diperoleh berdasarkan pada bahan rujukan yang berkaitan seperti kertas persidangan, jurnal, laporan dan sebagainya

3.3 Analisis data

Kebanyakan kajian yang dilakukan, program SPSS dapat menghasilkan pelbagai taburan data termasuk bagaimana memperoleh ukuran serakan, ukuran lokasi, khi kuasa dua, korelasi dan sebagainya (Ananda Kunan 2009). Menurut Hishamuddin (2005), bentuk data dalam perisian harus data akan dikemukakan dalam maklumat statistik yang diberikan oleh output. Kelebihan yang ada pada SPSS ialah dapat menganalisis pelbagai jenis maklumat data yang besar dan menghasilkan satu rumusan yang ringkas. Kajian ini menggunakan perisian SPSS untuk menganalisis data daripada borang soal selidik dan bagi penulisan hasil kajian pula disokong dengan maklumat daripada temu bual dan sumber sekunder.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Latar Belakang Sosioekonomi Responden

Bahagian ini menjelaskan berkaitan latar belakang responden seperti jantina, status perkahwinan, pengkelasan umur, komposisi etnik, agama, tahap pendidikan, pendapatan, lokasi penempatan dan pekerjaan di kawasan kajian. Responden lelaki yang ditemui untuk kajian ini mencatatkan nilai 30 peratus manakala bagi responden perempuan pula mencatatkan nilai 70 peratus (Lihat Jadual 1). Jumlah keseluruhan responden ialah 100, namun begitu jumlah responden perempuan lebih ramai menjawab soal selidik yang diberikan kerana mereka lebih senang ditemui, dan mudah memberikan kerjasama kerana mereka sangat mesra berbanding dengan responden lelaki kerana mereka agak sukar untuk didekati oleh pengkaji disebabkan oleh sikap yang ditonjolkan oleh mereka yang sukar didekati untuk menjawab sesi soal selidik.

JADUAL 1. Latar Belakang Sosioekonomi Responden

Latar Belakang Responden	Peratus (%)
Jantina	
Lelaki	30
Perempuan	70
Status Perkahwinan	
Bujang	38
Berkahwin	60
Janda	1
Duda	1
Umur	
21-30	37

31-40	16
41-50	26
51 dan ke atas	21
Bangsa	
Melayu	100
Cina	0
India	0
Bumiputera Sabah	0
Bumiputera Sarawak	0
Agama	
Islam	100
Buddha	0
Hindu	0
Kristian	0
Tahap Pendidikan Tertinggi	
Tiada kelulusan	11
Penilaian Darjah Lima/UPSR	6
SRP/LCE/PMR	9
MCE/SPM	41
STP/HSC/STPM	1
STAM	5
Sijil	5
Diploma	9
Ijazah Sarjanamuda	40
Ijazah Sarjana/Masters	0
Doktor Falsafah/PhD	0
Pekerjaan	
Kakitangan Kerajaan	35
Kakitangan Swasta	8
Kilang	3
Buruh	11
Sendiri	13
Berniaga	8
Pesara	0
Belajar	11
Suri Rumah	10
Tidak Bekerja	1
Pendapatan Isi Rumah	
RM 1,000 dan ke bawah	26
RM 1,001 – RM 2,000	30
RM 2,001 – RM 3,000	17
RM 3,001 – RM 4,000	2
RM 4,001 – RM 5,000	6
RM 5,001 dan ke atas	1
Lokasi	
Bandar	45
Luar Bandar	55
Daerah Mengundi	
Dungun	100

Sumber: Soal selidik 2019

Status perkahwinan merujuk kepada taraf perkahwinan kepada seseorang perempuan atau lelaki sama ada berkahwin, bujang, janda dan duda. Jumlah responden ialah seramai 100 orang,

berdasarkan kepada Jadual 1, didapati bahawa kebanyakan responden yang dipilih mempunyai status iaitu berstatus berkahwin yang mewakili 60 peratus daripada 100 orang responden, manakala bagi status bujang pula mencatatkan nilai kedua tertinggi iaitu 38 peratus, janda 1 peratus dan duda 1 peratus. Peratusan tertinggi dicatatkan oleh golongan yang berkahwin iaitu merupakan golongan yang sudah berkeluarga. Ini kerana, penyelidik mengedarkan borang soal selidik kepada pasangan suami isteri yang tinggal serumah dan ini juga memberikan kebaikan kepada responden untuk mempercepatkan proses pengumpulan data di lapangan yang telah dipilih.

Berdasarkan Jadual 1, taburan umur responden yang mencatatkan nilai tertinggi ialah responden yang berumur 21 hingga 30 tahun iaitu 37 peratus, diikuti responden berumur 41 hingga 50 tahun iaitu 26 peratus, responden yang berumur 51 tahun dan ke atas mencatatkan nilai 21 peratus dan responden berumur 31 hingga 40 tahun mencatatkan nilai 16 peratus. Responden dipilih merupakan golongan yang sudah layak mengundi iaitu golongan yang berumur 21 tahun dan ke atas. Golongan 21 tahun hingga 30 tahun ini mencatatkan nilai tertinggi kerana golongan ini merupakan golongan yang produktif dan lebih mengikuti perkembangan proses politik dan memahami mengenai perkembangan semasa di kawasan kajian. Selain itu, golongan ini juga mudah didapati di tempat tinggal mereka kerana penyelidik melakukan sesi soal selidik di kawasan kajian pada cuti semester. Oleh hal demikian, peratusan umur responden 21 tahun ke atas mendominasi keseluruhan jumlah responden. Di samping itu, nilai terendah umur responden yang dicatatkan ialah 31 hingga 40 tahun, hal ini berlaku kerana responden melakukan kajian pada waktu pagi semasa waktu bekerja, dan kebanyakan mereka sukar untuk ditemui kerana sibuk bekerja.

4.2 *Kepentingan Pengukuhan Politik Melayu di Malaysia*

Dapatan kajian mendapati 87 peratus responden menyatakan bahawa pengukuhan politik Melayu di Malaysia adalah penting. Hal ini adalah kerana demi menjaga keistimewaan orang Melayu. Perkara 153 ialah peruntukan mengenai jaminan kedudukan istimewa orang Melayu dan anak-anak negeri, iaitu pribumi Sabah dan Sarawak juga kepentingan sah kaum lain berwarganera Malaysia. Terdapat tiga lapisan besar masyarakat dari sudut sosioekonomi dengan lapisan pertama ialah golongan korporat. Kumpulan kedua, masyarakat lapisan umum dan kumpulan ketiga ialah kumpulan pendesak. Perkara 153 adalah satu prinsip perlembagaan yang membenarkan pelaksanaan dasar keseimbangan antara kaum diwujudkan.

Di samping itu, pengukuhan politik Melayu penting di negara ini demi menjaga kesejahteraan rakyat. Ini kerana, sekiranya negara ini dipimpin oleh golongan lain akan berkemungkinan besar negara akan dijajah oleh orang luar. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai banyak bahan mentah dan menyebabkan negara lain ingin menjajah dan memerintah negara Malaysia untuk mengaut keuntungan hasil negara. Seterusnya, pengukuhan politik Melayu di negara ini penting kerana agama Islam merupakan agama rasmi negara dan penggunaan Bahasa Melayu juga merupakan bahasa utama di negara ini. Di samping itu, pengukuhan politik Melayu penting kerana orang Melayu mampu bertoleransi dengan kaum lain, kerana bagi mereka pengukuhan dan semangat bersatu padu dalam lanskap politik Melayu akan melimpahkan nikmat kepada keseluruhan kaum lain tanpa mengira bangsa atau agama. Kesimpulannya, majoriti rakyat Malaysia terdiri daripada orang Melayu dan ini lebih mengukuhkan bahawa politik Melayu adalah penting di negara ini.

Seterusnya, dapatan kajian mendapati bahawa 7 peratus responden menyatakan bahawa pengukuhan politik Melayu tidak penting. Mereka menganggap bahawa politik di negara ini hanya akan aman sekiranya semua kaum di negara ini bersatu tanpa mementingkan keistimewaan hak kaum tertentu. Bagi mereka, Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum, kenapa perlu wujud batas yang membezakan kepentingan kaum masing-masing sedangkan mereka saling berkomunikasi antara satu lain. Dapatan kajian juga menunjukkan 6 peratus responden tidak pasti bahawa pengukuhan politik Melayu di negara ini sama ada penting atau tidak penting. Hal ini kerana, bagi mereka sesiapa sahaja yang memimpin haruslah menjaga keamanan negara dan kesejahteraan rakyat. Konklusinya, pengukuhan politik Melayu adalah penting kerana politik di negara ini hanya akan aman dan stabil jika orang Melayu bersatu dan mengetuai semua etnik di negara ini. Mengenai kepentingan pengukuhan politik orang Melayu, berdasarkan temu bual dengan Dato' Hj Din Adam (Ketua UMNO Bahagian Dungun, Terengganu), beliau menyatakan bahawa 'Pengukuhan politik Melayu adalah penting di negara ini kerana, negara kita mempunyai identiti tersendiri iaitu negara kita merupakan negara Tanah Melayu, sebab kita ingin mengukuhkan negara kita sebuah negara identiti Islam. Oleh itu, pengukuhan politik Melayu perlu diperjuangkan agar keistimewaan Orang Melayu sebagai penduduk asal tidak hilang' (Temu bual, 2 Februari 2020).

Mengenai kepentingan pengukuhan politik orang Melayu, berdasarkan temu bual dengan Encik Abdul Ghafar, (Penghulu Mukim Rantau Abang, Dungun, Terengganu), beliau menyatakan bahawa 'Pengukuhan politik Melayu penting kerana berdasarkan sejarah sememangnya Tanah Melayu adalah tempat asal orang Melayu namun dengan penjajahan orang British menyebabkan orang Cina, orang India dan kaum lain dibawa masuk oleh penjajah ke Tanah Melayu untuk bekerja dalam sektor ekonomi masing-masing. Oleh sebab itu memerlukan orang Melayu sendiri untuk mengukuhkan politik Melayu kerana Malaysia merupakan tanah asal orang Melayu seterusnya menjadikan negara ini tempat asal-usul orang Melayu' (Temu bual, 30 Januari 2020). Seterusnya, berdasarkan temu bual dengan YB Ustaz Hj Wan Hassan Mohd Ramli (ahli parlimen Dungun, Terengganu), beliau berpendapat bahawa 'Orang Melayu adalah bangsa majoriti di negara ini yang mana kepentingan berasaskan kontrak sosial sejak merdeka lagi yang akan menjamin kepentingan bumiputera Melayu dan bumiputera Sabah serta Sarawak' (Temu bual, 2 Februari 2020).

4.3 Pendapat Umum Mengenai Kepentingan Politik Melayu

Berdasarkan kepada dapatan kajian menunjukkan bahawa pendapat umum responden mengenai 'Kepentingan politik Melayu iaitu kuasa politik Melayu perlu dikekalkan dan diperkuatkan' dipersetujui dengan 95 peratus (Lihat Jadual 2). Hal ini kerana merujuk kepada objektif khusus kajian iaitu menganalisis kepentingan politik Melayu, responden menyatakan politik Melayu harus dikekalkan kerana selama ini, orang Melayu adalah golongan majoriti dan berani memperjuangkan kemerdekaan. Nama-nama para pejuang yang bangkit menentang penjajah seperti Dato' Bahaman, Dato' Maharajela, Mat Kilau, Tok Janggut, Dol Said, dan beberapa orang lagi tidak boleh dinafikan lagi.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan responden bersetuju bahawa 'Politik Melayu Terengganu adalah terjamin di bawah Perlembagaan Persekutuan' dengan 86 peratus. Dalam konteks politik, perlembagaan persekutuan akan menjaga semua negeri dari pelbagai sudut untuk memastikan kesejahteraan penduduk dan ekonomi negeri tersebut. Kajian Azmah (2013) dalam kajian mengenai perkembangan politik dan kesannya ke atas pembangunan ekonomi Terengganu

antara tahun 1955 hingga 1969 menjelaskan bahawa sejak pilihan raya yang pertama sehingga tahun 1969, rakyat Terengganu menunjukkan keprihatinan mereka dalam memilih calon pemimpin yang mampu membangunkan Terengganu secara kerohanian mahupun fizikal. Hasil kajian melihat sifat kepekaan rakyat Terengganu dalam menilai prestasi dan keperibadian yang ditonjolkan oleh calon yang bertanding untuk mewakili mereka.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan majoriti responden (74 peratus) menyatakan ‘Semua pihak tidak kira bangsa dan agama perlu akur dengan hak dan keistimewaan Orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan’. Hal ini kerana, negara kita mempunyai undang-undang, Agong merupakan ketua negara dan kita juga mempunyai perdana menteri yang memimpin dan menjaga keamanan negara. Oleh itu, semua rakyat yang merupakan warganegara ini perlulah akur dengan hak dan keistimewaan Orang Melayu kerana perkara tersebut telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sejak kemerdekaan lagi. Konklusinya, kepentingan politik Melayu haruslah dijaga agar orang Melayu tidak ditindas oleh bangsa lain dan berlaku pergolakan politik seperti negara luar, hal ini kerana negara ini merupakan negara Islam dan majoriti orang Melayu.

JADUAL 2. Pendapat Umum Mengenai Kepentingan Politik Melayu (Peratus)

Kepentingan Politik Melayu	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
Kuasa politik Melayu perlu dikekalkan dan diperkuatkan.	95%	3%	2%
Politik Melayu Terengganu adalah terjamin di bawah perlembagaan persekutuan.	86%	7%	7%
Semua pihak tidak mengira bangsa dan agama perlu akur dengan hak dan keistimewaan orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.	74%	12%	14%
Politik Melayu hanya akan kuat jika mereka bersatu.	71%	21%	8%
Bangsa Melayu akan kuat dari segi sosial, ekonomi dan politik jika mereka bersatu dan bermuafakat.	70%	8%	22%
Orang Melayu perlu ikhlas untuk bersatu melangkaui sempadan ideologi politik masing-masing.	69%	8%	73%
Politik Melayu yang kukuh akan meningkatkan sosioekonomi dan sosiopolitik orang Melayu.	69%	22%	9%
Formula Muafakat Nasional adalah formula menyatukan orang Melayu dalam PAS dan UMNO perlu diterima oleh semua orang Melayu.	66%	8%	29%
Politik di negara ini hanya akan aman dan stabil jika orang Melayu bersatu dan mengetahui semua etnik di negara ini.	63%	12%	25%
Semua orang Melayu tidak mengira fahaman politik perlu bersatu.	58%	11%	31%

Sumber: Soal selidik 2019

4.4 *Pendapat Umum Mengenai Masa Depan Politik Melayu*

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan di kawasan kajian yang dipilih, dapatan kajian menunjukkan bahawa masa depan politik Melayu akan terus mantap pada masa akan datang dengan 83 peratus responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini dapat dibuktikan

dengan orang Melayu bersatu selepas PRU 2018 iaitu antara UMNO dan PAS yang bekerjasama dalam Pilihan Raya Kecil pasaca PRU 2018 seterusnya menang dalam siri PRK sehinggalah PRK Parlimen Kimanis, Sabah. Kepimpinan UMNO yang memimpin negara Malaysia sejak kemerdekaan, dengan pengalaman yang menerajui negara ini sejak PRU 1955 terus disokong orang Melayu. Justeru, politik Melayu akan terus mantap pada masa akan datang kerana suara rakyat akan menentukan siapa yang layak untuk memimpin mereka akan memilih pemimpin yang berwibawa untuk menjaga kepentingan rakyat.

Selain itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa perpaduan politik Melayu akan terus kukuh menuju pilihan raya akan datang. Hal ini kerana, orang Melayu akan mengundi pemimpin yang mampu menjaga keistimewaan mereka. Pengundi di Malaysia akan memperoleh sebanyak mungkin maklumat semasa musim pilihan raya dari pelbagai sumber agar undian yang dilakukan adalah keputusan yang baik. Malah maklumat yang mereka dapat adalah bersifat mentah dan membolehkan mereka menilai sama ada maklumat itu betul atau tidak.

Seterusnya, dapatan kajian menyatakan masa depan politik melayu bergantung kepada kesedaran golongan muda dengan 63 peratus bersetuju. Konteks politik menyatakan golongan muda adalah golongan yang mudah dipengaruhi kerana pada usia demikian rupa mereka ingin mencuba sesuatu yang baru oleh hal demikian pihak yang berkepentingan haruslah memastikan wujud kesedaran pada golongan tersebut. Sebagai contoh, ahli politik Melayu yang bertanding haruslah mencadangkan manifesto untuk golongan muda juga dan ini akan mempengaruhi pemikiran golongan tersebut untuk menyokong parti politik orang Melayu.

Mengenai persoalan masa depan politik Melayu di Negara ini, berdasarkan temu bual dengan Dato' Hj Din Adam, (Ketua UMNO Bahagian Dungun, Terengganu), beliau menyatakan bahawa 'Masa depan politik Melayu dalam persada politik di negeri Terengganu dan Malaysia adalah cerah kerana pengundian yang dilakukan pada PRU-14 merupakan pengundian yang dilakukan berteraskan kepada kebencian, mereka tidak menyukai pemimpin yang bertanding dan menolak parti tersebut. Sebagai contoh, pengundi benci dan marah kepada Datuk Seri Najib dan menyebabkan ekonomi sekarang jatuh dan rakyat menyesal menyokong Kerajaan PH kerana banyak janji yang dikemukakan tidak ditunaikan seperti janji ingin memberi tol percuma, tidak perlu membuat bayaran PTPTN dan sebagainya dan ini menyebabkan masyarakat menyesal dengan ekonomi sekarang, seperti yang kita dapat lihat nilai mata wang jatuh. Oleh itu, kita harus membentuk nilai masyarakat yang positif dalam menilai sesuatu perkara, memilih sesuatu perkara seperti kebolehan yang ditonjolkan oleh seseorang bukan pilihan yang berteraskan kebencian dan kemarahan' (Temu bual, 2 Februari 2020).

Isu masa depan politik orang Melayu turut diajukan kepada Encik Abdul Ghafar, (Penghulu Mukim Rantau Abang, Dungun, Terengganu) yang menyatakan bahawa 'Insya Allah akan cerah, persaingan yang berlaku hanya parti orang Melayu iaitu PAS dan UMNO tetapi dengan Formula Muafakat Nasional ini ia memberikan kelebihan kepada orang Melayu terutamanya empat PRK yang berlaku baru-baru ini semua dimenangi oleh BN. Selain itu, hasrat gabungan ini adalah untuk mengembalikan kuasa orang Melayu di Malaysia apabila berlaku PRU-15, gabungan ini sekiranya diteruskan maka Malaysia akan dapat diperintah oleh orang Melayu. Seperti yang kita dapat lihat, sekarang mereka sudah berasa kecewa dengan manifesto PH yang dijanjikan banyak perkara yang tidak ditunaikan' (Temu bual, 30 Januari 2020). Dalam sesi temu bual dengan YB Ustaz Hj Wan Hassan Mohd Ramli, (ahli parlimen Dungun, Terengganu), beliau menyatakan 'Cuba kita ingat kembali pengalaman dan sejarah selepas peristiwa 13 Mei 1969, apabila gabungan Melayu dan bumiputera telah mengembalikan kuasa politik Melayu dan bumiputera di Terengganu serta Malaysia' (Temu bual, 2 Februari 2020).

4.5 Sokongan Kepada Parti Politik Berteraskan Melayu Berbanding Parti Berbilang Kaum

Responden turut ditanyakan persoalan sokongan kepada parti politik berteraskan Melayu berbanding parti berbilang kaum iaitu dengan mendapat persetujuan 77 peratus. Hal ini demikian kerana, hanya orang Melayu yang beragama Islam yang dapat menaikkan semula kuasa sebagai bumiputera di Malaysia. Selain itu, masa depan politik melayu akan terus mantap dan terjamin. Di samping itu, mereka tidak mahu kehilangan hak dan keistimewaan kerana jika diberi sokongan kepada parti berbilang kaum dibimbangkan akan menyebabkan keistimewaan orang Melayu hilang dan kesamarataan antara kaum akan diperkenalkan.

Di samping itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa seramai 15 responden tidak pasti bahawa akan menyokong parti politik berteraskan Melayu berbanding parti berbilang kaum. Hal ini kerana, bagi mereka sekiranya menyokong parti berbilang kaum, kerjasama antara kaum dapat diwujudkan dan pergolakan politik kaum tidak akan berlaku. Selain itu, memandangkan negara Malaysia merupakan semua negara yang berbilang kaum maka sesuaiilah sekiranya sokongan diberikan kepada parti berbilang kaum.

Seterusnya, dapatan kajian juga mendapati segelintir responden tidak setuju untuk menyokong parti politik berteraskan Melayu berbanding parti berbilang kaum iaitu 8 peratus. Ini kerana bagi mereka, kaum lain juga haruslah diberikan peluang untuk memimpin negara kerana Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi dan mempunyai undang-undang yang melarang penindasan terhadap sesuatu kaum.

4.6 Ketetapan Sokongan Terhadap Parti Melayu Meskipun Parti Dilanda Masalah Prinsip Dan Kepimpinan

Calon yang sesuai dan berpengalaman merupakan kriteria penting dalam proses pilihan raya di Malaysia agar masyarakat dapat memilih dan menilai calon yang layak memimpin negara pada pilihan raya yang seterusnya. Hal ini kerana, pemimpin haruslah mempunyai ciri-ciri pemimpin untuk memimpin negara dengan lebih baik. Oleh itu, penilaian terhadap kegiatan dan kegigihan calon wakil rakyat perlu dilakukan secara komprehensif oleh masyarakat supaya mereka dapat menilai calon yang layak untuk memimpin negara atau negeri. Oleh itu, perbincangan ini mengenal pasti adakah ketetapan sokongan terhadap parti Melayu meskipun parti tersebut dilanda masalah prinsip dan kepimpinan.

Berdasarkan dapatan kajian, responden tetap akan menyokong parti Melayu meskipun parti tersebut dilanda masalah prinsip dan kepimpinan dengan persetujuan 64 peratus. Hal ini berlaku kerana bagi mereka sebagai orang Melayu, mereka mesti setia kepada parti Melayu, bagi mereka, sekiranya bukan mereka yang menyokong parti tersebut maka siapa lagi yang akan menyokong parti Melayu tersebut. Selain itu, sokongan tersebut adalah penting untuk memastikan supaya parti Melayu akan terus mantap dan kekal relevan pada masa akan datang. Bagi mereka apa yang penting adalah dasar dan prinsip parti dan ketetapan parti, justeru mereka tidak kisah prinsip dan kepimpinan seseorang tetapi melihat kepada prinsip parti tersebut.

Seterusnya dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat segelintir responden yang tidak bersetuju untuk menyokong parti Melayu kerana dilanda masalah prinsip dan kepimpinan

iaitu 28 peratus. Dalam konteks ekonomi politik, selain menjaga kepentingan orang Melayu, kebaikan dan integriti sosioekonomi turut diambil kira kerana ia penting untuk memastikan negara dipercayai semua pihak dan lebih berdaya saing serta berdaya maju. Penubuhan sesebuah parti bukan hanya sekadar untuk membela nasib sesuatu bangsa malahan harus memandang dari pelbagai sudut melangkaui bangsa serta bersifat meritokrasi iaitu yang terbaik perlu disokong dan pembinaan bangsa yang boleh berdikari tanpa mengharapkan ehsan atau bantuan pihak berkuasa semata-mata untuk mencapai sebagai sebuah negara yang maju.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa 11 peratus responden tidak pasti untuk menyokong parti Melayu yang dilanda masalah kepimpinan dan prinsip. Hal ini kerana sesetengah responden berpendapat bahawa setiap apa yang berlaku harus dinilai terlebih dahulu sama ada betulkah wujud masalah kepimpinan dan prinsip dalam parti tersebut, ataupun penyebaran isu tersebut hanya propaganda pihak lawan untuk membuat fitnah kepada parti lain demi mendapat sokongan dan kuasa. Oleh hal demikian, setiap maklumat yang mereka peroleh perlu dibuat penilaian semula agar keputusan yang dilakukan adalah tepat, bijaksana dan terbaik.

4.7 Kuasa Politik Melayu Adalah Penting Dan Perlu Dipertahankan

Kuasa politik Melayu bukan sahaja penting dalam membela dan membina bangsa Melayu yang bermaruah, dinamik, kreatif, progresif dan mampu menghadapi cabaran alaf baru abad ini, malah dari sudut lain ia juga penting dalam konteks kesejahteraan, kestabilan, keharmonian dan keamanan negara Malaysia. Bangsa Melayu perlu sedar bahawa penghakisan dan kejatuhan kuasa politik Melayu di negara ini akan membawa maksud kehidupan kaum Melayu akan terancam. Pasti masalah kaum Melayu sendiri akan dibelenggui masalah sosioekonomi di negara sendiri. Oleh itu, perpecahan dalam kalangan orang Melayu haruslah dibendung sama ada perpecahan dalam parti tunggal orang Melayu, iaitu UMNO; ataupun perpecahan dalam masyarakat Melayu yang dikategorikan sebagai perpecahan ideologi kepartian yang mewujudkan PAS, AMANAH, BERSATU, PUTRA, PKR dan lain-lain.

Dapatan kajian menunjukkan 86 peratus responden bersetuju akan mempertahankan kuasa politik Melayu. Hal ini kerana supaya kuasa politik Melayu akan terus maju dan hak keistimewaan orang Melayu haruslah dijaga seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam sudut ekonomi, sekiranya kuasa politik Melayu tidak dipertahankan kemungkinan besar orang Melayu akan mengemis di negara sendiri. Oleh itu, bangsa Melayu perlu lebih agresif untuk mengukuhkan kuasa politik dan ekonomi agar tidak dilihat sebagai bangsa yang lemah di negara sendiri. Namun begitu, golongan muda kini gagal memahami perjuangan bangsa kerana pengaruh media sosial yang lebih memberi kesan dari segi integriti, keadilan dan meritokrasi; serta ulama tertentu yang meletakkan label assabiyah kepada perjuangan berteraskan bangsa. Ini tidak bermaksud kepimpinan Melayu menunjangi politik negara harus mengetepikan sikap toleransi dengan kaum lain kepada tingkah laku politik yang berbau kezaliman, diskriminasi dan penindasan. Sebaliknya dalam konteks meneruskan kesinambungan kuasa politik Melayu sebagai teraju pemerintahan negara ialah merancang dan melaksanakan program sosioekonomi dan dasar penekanan terhadap pembangunan masyarakat terutamanya dalam bidang di mana kaum Melayu ketinggalan kerana menjadikan kaum Melayu mencapai taraf hidup dengan kaum lain adalah satu langkah adil sementara membiarkan nasib Melayu tanpa pembelaan adalah satu ketidakadilan.

Seterusnya, 7 peratus responden tidak bersetuju untuk mempertahankan kuasa politik Melayu. Hal ini kerana bagi mereka orang Melayu hanya pentingkan diri sendiri dan

mengetepikan kaum yang lain dan ini juga berbentuk perkauman sedangkan mereka berkongsi hidup tinggal di satu negara yang sama iaitu Malaysia. Di samping itu, 7 peratus responden tidak pasti adakah perlu mempertahankan kuasa politik Melayu atau tidak. Peralihan kuasa haruslah dilakukan secara bijak sama ada kuasa politik Melayu perlu dipertahankan atau sebaliknya. Sesetengah responden berpendapat bahawa memperjuangkan kepentingan bangsa Melayu bukanlah satu kesalahan, cuma ia perlu berdasarkan prinsip sejagat yang menekankan keadilan dan kemanusiaan terhadap kaum lain. Hak dan keistimewaan orang Melayu bukan senjata untuk menghalalkan segala tuntutan yang berbaur perkauman tetapi membina kerukunan hidup dalam sebuah negara dikongsi masyarakat berbilang bangsa.

4.8 Kuasa Politik Melayu Tidak Akan Terjejas Kerana Hak Istimewa Orang Melayu Dijamin Perlembagaan Persekutuan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 49 peratus responden tidak bersetuju kuasa politik Melayu tidak akan terjejas meskipun negara atau negeri ini dipimpin oleh orang bukan Melayu tetapi hak istimewa orang Melayu masih terjamin. Hal perlembagaan persekutuan berkaitan Melayu hanya boleh dipinda dengan persetujuan Sultan-sultan negeri di Malaysia dan mendapat kebenaran Yang Dipertua Agung justeru tidak timbul soal kuasa politik Melayu akan terjejas dengan apa keadaan sekalipun. Namun aktiviti politiking boleh mengubah keadaan secara beransur-ansur sehingga menjejaskan kuasa politik Melayu.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 44 peratus responden bersetuju kuasa politik Melayu tidak akan terjejas meskipun negara atau negeri ini dipimpin oleh orang bukan Melayu. Hal ini kerana, responden berpendapat bahawa Melayu tidak boleh maju dengan sendiri tanpa kerjasama dengan kaum lain. UMNO sebagai parti keramat orang Melayu sinonim dengan masyarakat Melayu dan Bumiputera di Sabah. Bangsa Melayu seolah diberi gambaran akan hidup merempat dan hilang ketuanan jika parti itu terkubur. Bagi mereka, UMNO pernah tewas di Terengganu dan mereka mempersoalkan adakah keistimewaan orang Melayu akan hilang sejak Kerajaan Pakatan Harapan memerintah negara hampir setahun lalu. Hakikatnya, orang Melayu tidak terancam sebaliknya orang politik yang terancam kuasanya apabila sudah tidak berkuasa.

Seterusnya, 7 peratus responden menyatakan tidak pasti bahawa kuasa politik Melayu tidak akan terjejas meskipun negara atau negeri ini dipimpin oleh orang bukan Melayu. Hal ini kerana mereka tidak tahu sama ada apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan boleh dipinda atau tidak. Sekiranya boleh dipinda sekalipun, bagi mereka negara ini mempunyai Yang Dipertuan Agung yang akan menjaga kesejahteraan rakyat dan keamanan negara.

Berdasarkan temu bual dengan Dato' Hj Din Adam, (Ketua UMNO Bahagian Dungun, Terengganu) beliau menyatakan bahawa 'Kuasa politik Melayu akan terjejas meskipun negara atau negeri ini dipimpin oleh orang bukan Melayu, ini kerana ia akan menggubal segala dasar dan perundangan. Untuk pada harini kita melihat dalam sistem pendidikan sahaja sewaktu pra persekolahan kita akan pergi ke tadika, iaitu tadika kemas sebab kita tidak akan hantar anak ke sekolah yang membayar yuran RM 1,000 sebulan namun begitu pendidikan ini yang mecorak kehidupan seseorang. Malah pada harini, pendidikan apabila mereka melihat pendidikan tinggi sikit, mereka akan menghantar anak mereka ke sekolah swasta dan ini menyebabkan mereka hilang nilai kemasyarakatan, nilai kesetiaan, nilai patuh dan hormat kepada pemimpin untuk keperluan negara. Oleh itu, perlu kepimpinan orang Melayu kerana dengan kepimpinan kaum


lain ia akan merosakkan nilai yang selama ini dipupuk oleh orang Melayu (Temu bual, 2 Februari 2020).

Berdasarkan temu bual dengan Encik Abdul Ghafar, (Penghulu Mukim Rantau Abang, Dungun, Terengganu), beliau menyatakan bahawa 'Kuasa politik Melayu akan terjejas meskipun negara atau negeri ini dipimpin oleh orang bukan Melayu, tetapi mengikut propaganda keistimewaan orang Melayu tidak akan terjejas dan kemudahan orang Melayu tidak akan terjejas seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi Perlembagaan Parlimen boleh berubah walaupun undian oleh wakil rakyat dalam parlimen iaitu 2/3, sekiranya dalam parlimen itu ramai bangsa lain jadi benda itu akan boleh berlaku dan boleh berubah dengan undian yang dilakukan oleh ahli dalam parlimen' (Temu bual, 30 Januari 2020). Seterusnya temu bual dengan YB Ustaz Hj Wan Hassan Mohd Ramli, (ahli parlimen Dungun, Terengganu), beliau menyatakan bahawa beliau tidak bersetuju, kerana sesuatu yang dijamin oleh Perlembagaan masih boleh dipinda atau diubah berasaskan kepada kehendak pemerintah jika mempunyai 2/3 majoriti wakil rakyat di parlimen dan DUN (Temu bual, 2 Februari 2020).

4.9 Persefahaman Politik UMNO - PAS Membentuk Muafakat Nasional Bagi Menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) Akan Datang

Hasil kajian menunjukkan bahawa 39 peratus responden tidak pasti persefahaman politik antara UMNO dan PAS akan mampu menghadapi Pilihan Umum akan datang. Hal ini kerana, Muafakat Nasional merupakan perkara baharu yang dilakukan dan belum tentu ia mampu menghadapi PRU akan datang. Selain itu, Muafakat Nasional belum tentu akan kekal kemungkinan berlaku pergaduhan PAS dan UMNO dari segi pembahagian kerusi dalam pilihan raya dan jawatan dalam kerajaan serta perbezaan ideologi yang ketara menyebabkan parti tersebut membuat haluan masing-masing demi kepentingan parti masing-masing.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan 45 peratus responden bersetuju bahawa persefahaman Muafakat Nasional untuk menghadapi Pilihan Raya Umum akan datang. Hal ini kerana ia boleh mengeratkan hubungan silaturahim sesama umat Melayu dan Islam antara parti PAS dan UMNO. Selain itu, Muafakat Nasional ini penting demi menjaga agama dan bangsa orang Melayu pada masa akan datang. Selain itu, dengan persefahaman politik antara UMNO dan PAS akan menyebabkan kestabilan ekonomi negeri dan negara terjamin dan keputusan yang dibuat akan menjadi keputusan yang terbaik kerana kerjasama yang dilakukan oleh kedua-dua parti berkenaan.



RAJAH 2. Persefahaman Politik Antara UMNO Dan PAS Akan Membentuk Muafakat Nasional Bagi Menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) Akan Datang (Peratus)

Sumber: Soal selidik, 2019


Di samping itu, dapatan kajian juga mendapati 9 peratus responden tidak pasti persefahaman politik antara UMNO dan PAS akan membentuk Muafakat Nasioanal pada PRU akan datang. Hal ini kerana, kemungkinan pergaduhan antara parti ini akan berlaku kerana perebutan kuasa. Di samping itu, responden berpendapat bahawa mereka mempunyai pemikiran dan tanggapan sendiri untuk menilai. Di samping itu, responden menyatakan bahawa kebanyakan perkara seperti ini sebelum ini tidak akan berjaya kerana berdasarkan pengalaman sebelum ini PAS pernah dibuang daripada BN pada tahun 1977.

4.10 Formula Muafakat Nasional UMNO-PAS Menguatkan Lagi Kesatuan Bangsa Melayu

Berdasarkan kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa 33 peratus sangat setuju diikuti setuju dengan 21 peratus dengan pernyataan bahawa 'Muafakat Nasional ini dapat menguatkan kesatuan bangsa Melayu di Terengganu dan negara'. Hal ini kerana jika hala tuju kedua-dua parti adalah ikhlas ia akan membawa kebaikan kepada agama dan kaum Melayu sendiri. Di samping itu, perseteruan antara UMNO dan PAS selama ini telah berakhir dan kerjasama dicapai dalam semua hal demi untuk memajukan negeri Terengganu dan negara kerana kedua-dua parti ini merupakan parti yang terdiri daripada orang Islam.

Selain itu, dapatan kajian mendapati bahawa 25 peratus responden tidak pasti formula Muafakat Nasional antara UMNO dan PAS dapat menguatkan lagi kesatuan bangsa Melayu di Terengganu dan negara ini. Hal ini kerana Muafakat Nasional memang akan menguatkan lagi kesatuan bangsa tetapi ini tidak akan kekal kerana matlamat akhir parti masing-masing ialah

untuk mendapat kuasa. Selain itu, kesatuan bangsa memang akan kuat tetapi tidak semua orang bersetuju dengan perkongsian kuasa kerana kebanyakan dalam politik dalam sesebuah organisasi tidak sefahaman dalam membuat sesuatu keputusan terutamanya melibatkan prinsip dan kepentingan diri pemimpin dan parti masing-masing.



RAJAH 2. Formula Muafakat Nasional Antara UMNO Dan PAS Dapat Menguatkan Lagi Kesatuan Bangsa Melayu Di Terengganu Dan Negara Ini (Peratus)
Sumber: Soal selidik, 2019

Di samping itu, dapatan kajian mendapati bahawa 10 peratus tidak setuju dan diikuti 11 peratus sangat tidak setuju formula Muafakat Nasional antara UMNO dan PAS dapat menguatkan lagi kesatuan bangsa Melayu di Terengganu dan negara ini. Hal ini kerana, terdapat responden yang berpendapat bahawa Muafakat Nasional ini menyusahkan dan menyebabkan masalah 'ego' dan kepentingan yang berbeza antara orang UMNO dan orang PAS. Sememangnya kedua-dua parti ini dianggotai oleh orang Islam dan orang Melayu, namun begitu fahaman mereka berbeza. Ada yang berpendapat parti PAS hanya pandai dalam agama tetapi dalam mentadbir negeri dan negara mereka kolot dan gagal seperti di Kelantan yang masih ketinggalan dari segi pembangunan fizikal. Konklusinya, Muafakat Nasional ada keburukan dan kebaikan sendiri dalam menguatkan lagi kesatuan bangsa Melayu di negara ini.

Berdasarkan temu bual dengan Dato' Hj Din Adam, (Ketua UMNO Bahagian Dungun, Terengganu), beliau menyatakan bahawa 'Oleh kerana PAS sedar setelah perpecahan parti yang berlaku nasib orang Melayu semakin mengancam, maka dengan Formula Muafakat Nasional yang ada ia akan menguatkan lagi kesatuan bangsa Melayu. Selain itu, dengan terbentuknya gabungan parti ini ia dapat melicinkan lagi pentadbiran negara dan memajukan ekonomi kerana pergolakan politik antara orang Melayu telah didamaikan' (Temu bual, 2 Februari 2020).

Temu bual dengan Encik Abdul Ghafar, (Penghulu Mukim Rantau Abang, Dungun, Terengganu), pula menjelaskan bahawa 'Mengikut perlembagaan orang Melayu ini ialah Islam

dan akan dijaga dengan baik. Sekiranya bangsa lain yang memimpin Malaysia seperti Cina dan India maka akan menyebabkan agama Islam tidak naik, sebaliknya agama pula mereka yang naik. Inilah sebabnya agama Islam ini agama rasmi maka kita kena mempertahankan supaya matlamat untuk menawan kembali Malaysia melalui gabungan Muafakat Nasional ini akan berjaya. (Temu bual, 30 Januari 2020). Seterusnya berdasarkan temu bual dengan YB Ustaz Hj Wan Hassan Mohd Ramli, (ahli parlimen Dungun, Terengganu), beliau menyatakan bahawa ‘Muafakat Nasional antara UMNO dan PAS dapat menguatkan lagi kesatuan bangsa Melayu di Terengganu kerana kedua-dua parti tersebut mempunyai teras yang sama dari segi majoriti Melayu dan majoriti beragama Islam, oleh itu resepi ini Insya Allah akan menjayakan Muafakat Nasional seperti yang dirancang (Temu bual, 2 Februari 2020).

4.11 Perbincangan

Terdapat beberapa penemuan penting telah diperoleh dan fokus perbincangan merujuk kepada dapatan kajian. Pengukuhan politik Melayu penting di negara ini demi menjaga kesejahteraan rakyat. Ini kerana, sekiranya negara ini dipimpin oleh golongan lain akan berkemungkinan besar negara akan dijajah oleh orang luar. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai banyak bahan mentah dan menyebabkan negara lain ingin menjajah dan memerintah negara Malaysia untuk mengaut keuntungan hasil negara. Seterusnya, pengukuhan politik Melayu di negara ini penting kerana agama Islam merupakan agama rasmi negara dan penggunaan Bahasa Melayu juga merupakan bahasa utama di negara ini. Di samping itu, pengukuhan politik Melayu penting kerana orang Melayu mampu bertoleransi dengan kaum lain, kerana bagi mereka pengukuhan dan semangat bersatu padu dalam lanskap politik Melayu akan melimpahkan nikmat kepada keseluruhan kaum lain tanpa mengira bangsa atau agama. Kesimpulannya, majoriti rakyat Malaysia terdiri daripada orang Melayu dan ini lebih mengukuhkan bahawa politik Melayu adalah penting di negara ini.

Seterusnya, terdapat segelintir responden menyatakan bahawa pengukuhan politik Melayu tidak penting. Mereka menganggap bahawa politik di negara ini hanya akan aman sekiranya semua kaum di negara ini bersatu tanpa mementingkan keistimewaan hak kaum tertentu. Bagi mereka, Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum, kenapa perlu wujud batas yang membezakan kepentingan kaum masing-masing sedangkan mereka saling berkomunikasi antara satu lain. Konklusinya, pengukuhan politik Melayu adalah penting kerana politik di negara ini hanya akan aman dan stabil jika orang Melayu bersatu dan mengetuai semua etnik di negara ini.

Majoriti responden menyatakan bahawa masa depan politik Melayu akan terus mantap pada masa akan datang. Hal ini dapat dibuktikan dengan orang Melayu bersatu selepas PRU 2018 iaitu antara UMNO dan PAS yang bekerjasama dalam Pilihan Raya Kecil pasca PRU 2018 seterusnya menang dalam siri PRK sehinggalah PRK Parlimen Kimanis, Sabah. Kepimpinan UMNO yang memimpin negara Malaysia sejak kemerdekaan, dengan pengalaman yang menerajui negara ini sejak PRU 1955 terus disokong orang Melayu. Justeru, politik Melayu akan terus mantap pada masa akan datang kerana suara rakyat akan menentukan siapa yang layak untuk memimpin mereka akan memilih pemimpin yang berwibawa untuk menjaga kepentingan rakyat.

Selain itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa perpaduan politik Melayu akan terus kukuh menuju pilihan raya akan datang. Hal ini kerana, orang Melayu akan mengundi pemimpin

yang mampu menjaga keistimewaan mereka. Pengundi di Malaysia akan memperoleh sebanyak mungkin maklumat semasa musim pilihan raya dari pelbagai sumber agar undian yang dilakukan adalah keputusan yang baik. Malah maklumat yang mereka dapat adalah bersifat mentah dan membolehkan mereka menilai sama ada maklumat itu betul atau tidak.

Seterusnya, dapatan kajian menyatakan masa depan politik melayu bergantung kepada kesedaran golongan muda. Konteks politik menyatakan golongan muda adalah golongan yang mudah dipengaruhi kerana pada usia demikian rupa mereka ingin mencuba sesuatu yang baru oleh hal demikian pihak yang berkepentingan haruslah memastikan wujud kesedaran pada golongan tersebut. Sebagai contoh, ahli politik Melayu yang bertanding haruslah mencadangkan manifesto untuk golongan muda juga dan ini akan mempengaruhi pemikiran golongan tersebut untuk menyokong parti politik orang Melayu.

Responden juga bersetuju bahawa sokongan kepada parti politik berteraskan Melayu berbanding parti berbilang kaum. Hal ini demikian kerana, hanya orang Melayu yang beragama Islam yang dapat menaikkan semula kuasa sebagai bumiputera di Malaysia. Selain itu, masa depan politik melayu akan terus mantap dan terjamin. Di samping itu, mereka tidak mahu kehilangan hak dan keistimewaan kerana jika diberi sokongan kepada parti berbilang kaum dibimbangkan akan menyebabkan keistimewaan orang Melayu hilang dan kesamarataan antara kaum akan diperkenalkan.

Seterusnya, dapatan kajian juga mendapati segelintir responden tidak setuju untuk menyokong parti politik berteraskan Melayu berbanding parti berbilang kaum kerana bagi mereka, kaum lain juga haruslah diberikan peluang untuk memimpin negara kerana Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi dan mempunyai undang-undang yang melarang penindasan terhadap sesuatu kaum.

Kuasa politik Melayu bukan sahaja penting dalam membela dan membina bangsa Melayu yang bermaruah, dinamik, kreatif, progresif dan mampu menghadapi cabaran alaf baru abad ini, malah dari sudut lain ia juga penting dalam konteks kesejahteraan, kestabilan, keharmonian dan keamanan negara Malaysia. Bangsa Melayu perlu sedar bahawa penghakisan dan kejatuhan kuasa politik Melayu di negara ini akan membawa maksud kehidupan kaum Melayu akan terancam. Pasti masalah kaum Melayu sendiri akan dibelenggui masalah sosioekonomi di negara sendiri. Oleh itu, perpecahan dalam kalangan orang Melayu haruslah dibendung sama ada perpecahan dalam parti tunggal orang Melayu, iaitu UMNO; ataupun perpecahan dalam masyarakat Melayu yang dikategorikan sebagai perpecahan ideologi kepartian yang mewujudkan PAS, AMANAH, BERSATU, PUTRA, PKR dan lain-lain.

Majoriti responden bersetuju akan mempertahankan kuasa politik Melayu. Hal ini kerana supaya kuasa politik Melayu akan terus maju dan hak keistimewaan orang Melayu haruslah dijaga seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam sudut ekonomi, sekiranya kuasa politik Melayu tidak dipertahankan kemungkinan besar orang Melayu akan mengemis di negara sendiri. Oleh itu, bangsa Melayu perlu lebih agresif untuk mengukuhkan kuasa politik dan ekonomi agar tidak dilihat sebagai bangsa yang lemah di negara sendiri. Namun begitu, golongan muda kini gagal memahami perjuangan bangsa kerana pengaruh media sosial yang lebih memberi kesan dari segi integriti, keadilan dan meritokrasi; serta ulama tertentu yang meletakkan label assabiyah kepada perjuangan berteraskan bangsa. Ini tidak bermaksud kepimpinan Melayu menunjangi politik negara harus mengetepikan sikap toleransi dengan kaum lain kepada tingkah laku politik yang berbau kezaliman, diskriminasi dan penindasan. Sebaliknya dalam konteks meneruskan kesinambungan kuasa politik Melayu sebagai teraju pemerintahan negara ialah merancang dan melaksanakan program sosioekonomi dan dasar

penekanan terhadap pembangunan masyarakat terutamanya dalam bidang di mana kaum Melayu ketinggalan kerana menjadikan kaum Melayu mencapai taraf hidup dengan kaum lain adalah satu langkah adil sementara membiarkan nasib Melayu tanpa pembelaan adalah satu ketidakadilan.

Seterusnya terdapat sebahagian kecil responden tidak bersetuju untuk mempertahankan kuasa politik Melayu kerana bagi mereka orang Melayu hanya pentingkan diri sendiri dan mengetepikan kaum yang lain dan ini juga berbentuk perkauman sedangkan mereka berkongsi hidup tinggal di satu negara yang sama iaitu Malaysia. Di samping itu, 7 peratus responden tidak pasti adakah perlu mempertahankan kuasa politik Melayu atau tidak. Peralihan kuasa haruslah dilakukan secara bijak sama ada kuasa politik Melayu perlu dipertahankan atau sebaliknya. Sesetengah responden berpendapat bahawa memperjuangkan kepentingan bangsa Melayu bukanlah satu kesalahan, cuma ia perlu berdasarkan prinsip sejagat yang menekankan keadilan dan kemanusiaan terhadap kaum lain. Hak dan keistimewaan orang Melayu bukan senjata untuk menghalalkan segala tuntutan yang berbaur perkauman tetapi membina kerukunan hidup dalam sebuah negara dikongsi masyarakat berbilang bangsa.

5. Rumusan dan Cadangan

Sebagai rumusannya, kepentingan dan masa depan politik Melayu dalam persada politik di negeri Terengganu dan Malaysia perlu dilestarikan dengan orang Melayu di negara ini perlu bersatu atas nama kesatuan bangsa dan agama namun tidak mengeneppikan hak bangsa lain. Majoriti responden yang disoal selidik menyokong parti yang memperjuangkan keistimewaan orang Melayu dan dengan Formula Muafakat Nasional responden berharap parti orang Melayu akan terus menerajui kepimpinan Malaysia kerana tanah Melayu merupakan tanah asal orang Melayu. Selain itu, faktor pemilihan calon yang beribawa juga akan menentukan kepentingan dan masa depan politik. Dengan adanya calon yang mengutamakan rakyat dan negara, masa depan politik orang Melayu akan terus berdaya maju.

Dengan itu, bagi cadangan kajian pada masa akan datang, kajian berkaitan dengan geografi politik (pengaruh kuasa terhadap sesuatu kawasan) dan geografi pilihan raya (analisis keruangan dalam mempengaruhi keputusan dan sokongan dalam sesuatu pilihan raya) perlu dilakukan di kawasan ini. Analisis pilihan raya juga boleh dilakukan namun pengkaji akan datang haruslah berfokuskan kepada parlimen Dungun dan golongan belia iaitu berumur 21-30 tahun. Hal ini kerana golongan ini mudah dipengaruhi oleh media sosial dan juga kempen parti politik di negara ini. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji adakah calon atau parti mempengaruhi golongan belia untuk mengundi parti tersebut. Galakan juga diberikan kepada mereka yang berhasrat untuk mengkaji bidang geografi politik dan geografi pilihan raya pada PRU-15 akan datang. Hal ini penting untuk mengkaji adakah faktor kelas umur yang akan menentukan kerajaan atau pembangkang dan adakah parti dipengaruhi oleh kepimpinan yang ditonjolkan oleh parti politik yang bertanding.

Rujukan

Azmah Abd. Manaf. (2013). Perkembangan Politik Dan Kesannya Ke Atas Pembangunan Ekonomi Terengganu, Antara Tahun 1955 Hingga 1969. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*. 40, (1) 133-154.

- Bledsoe T & Welch, S. (1987). Patterns of political party activity among U.S cities. *Urban Affairs Quarterly*. 23(2), 249-269.
- Faisal Syam Abdol Haziz. (2018). GE14: The Political Earthquake That Ended BN's 60 Year Rule. In *Regime Change in Malaysia: GE14 and The End of UMNO-BN'S 60-year Rule*. Adt. Francis Loh & Anil Netto. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Ismail Kassim (1979) *Race Politics And Moderation: A Study Of The Malaysian Election Process*. Singapore: Time Book International.
- Johnson, AT. (1980). Electoral Consequences of Neighborhood Improvement Project. *Urban Affair Quarterly*. 16(1), 109-116.
- Junaidi Awang Besar. (2003). Politik Baru: Analisis Pilihan Raya Umum 1995 dan 1999 di Parlimen Kuala Terengganu. Latihan Ilmiah, Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar. (2018a). Pola Pengundian Etnik Melayu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Pengkalan Kubor, Kelantan. *Merentasi Sempadan yang Melewati Zaman: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman*. 271-300. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Junaidi Awang Besar. (2018b). Analisis Geografi Pilihan Raya Negeri Perlis Indera Kayangan, Malaysia. *Geografi*. 6(1), 71-80.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Pengaruh Geopolitik Kaum Dalam Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018 Di Malaysia. *International Conference On Social Sciences And Humanities 2019 (ICOSSH 2019)*. At: Parkcity Everly Hotel, Bintulu, Sarawak, Malaysia. Organize By: Faculty Of Social Sciences And Management, Universiti Putra Malaysia Campus Bintulu, Sarawak. 8-9 October.
- Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali. (2016). Kebangkitan PAS di Terengganu. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail, Sity Daud (Editor). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2010). Analisis trend pengundian berdasarkan kaum di kawasan Bukit Gantang, Perak. *Jurnal e-Bangi*, 5 (1), 26-37.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Mohd Faidz Mohd Zain. (2010). Pilihan Raya Kecil Kawasan Parlimen Hulu Selangor 2010: Politik Pembangunan Dan Pola Pengundian. Asia Pacific Conference (APC) On History, Politics & Strategic Studies And Climate Change. At Faculty Of Social Sciences And Humanities (FSSK) And Senate Room, UKM. 29-30 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2011). Trend Pengundian Etnik Melayu dan Cina/Tionghoa dalam Pilihan Raya 2009-2011 di Malaysia. Seminar Internasional Serumpun Melayu (SERUMPUN) 2011. Fakultas Ilmu Budaya (FIB) Universitas Hasanuddin, (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Anjuran Universitas Hasanuddin (UNHAS) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 8-9 Jun.
- Khong Kin Hong. (1991). Federalisme dan integrasi nasional. Kertas kerja Seminar Politik IV, UKM Bangi, Selangor.

- Mazlan Ali. (2018). "Tsunami hijau Pantai Timur PRU-14: Gelombang PAS atau gelombang rakyat?". Forum Pasca PRU14: Gelombang Rakyat. Aras 13, Menara SAAS UiTM Shah Alam. 3-5.30 petang. 8 Jun.
- Mohd Firdaus Al Amry. (1992). *Terengganu: Rahsia yang Terbongkar*. Kuala Terengganu: Mahir Ent.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor & Jamaie Hj. Hamil. (2018). Politik, Pengundi dan Faktor Melayu/Bumiputera: Analisis Terhadap Kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2)(December 2018), 386-408.
- Michel Foucault. (1988). *Politics Philosophy Culture*. New York: Routledge.
- Ruhan Shahrir Abdul Halim. (2018). Pakatan Harapan Tewas Undi Melayu: Implikasinya Pada Masa Hadapan. Siri Seminar IKMAS 6/2018. Bilik Seminar IKMAS. 10.00 pagi. 11 Jun.
- SPR. 2018. Statistik kaum. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Putrajaya: SPR.
- Wood, C. (2002). Voter turnout in city elections. *Urban Affairs Review*. 38(2), 209-231.
- Yahaya Ismail. (1990). *Skandal Politik Wan Mokhtar di Terengganu*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif Sdn.Bhd.
- Zahalan Man. (2014). *Daulat UMNO: Edisi Khas*. Ampang: Cahaya Nur Modal Insan.
- Zaryccki, T. (2000). The socio-political space of the Czech Republic and Poland. Comparative study of structures of the electoral geography. *Przegląd Geograficzny*. 72(3), 269-284.
- Zulkifli Sulong. (1994). *Operasi Tawan Terengganu*. Batu Caves, Selangor: Penerbitan Pemuda.